

CNS5271

R GB 19-08 00169 BC897

bah

APEC-Mahathir

AMERIKA BERHARAP MAHATHIR AKAN HADIR MESYUARAT APEC DI SEATTLE

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Amerika Syarikat berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menukarkan fikirannya dan menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle November ini.

Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik Encik Winston Lord hari ini berkata mesyuarat itu ialah satu mesyuarat tidak formal antara pemimpin-pemimpin dan ia khusus membincangkan isu-isu berkaitan ekonomi.

"Kami amat menghormati Dr Mahathir, beliau seorang peminat yang unggul bagi negaranya dan rantau Asia...kami berharap beliau akan menimbang semula keputusannya tetapi kami tetap menghormati keputusannya itu," katanya semasa dialog langsung Worldnet menerusi satelit dengan anggota panel di sini, di Jakarta, Bangkok dan Canberra.

Lord berkata Amerika Syarikat, yang menganjurkan mesyuarat tahun ini, tidak bercadang mewujudkan struktur institusi yang baru.

Sebaliknya, Amerika Syarikat mahu meningkatkan hubungan dengan Malaysia, yang merupakan anggota penting Asean dan pasukan pengaman yang penting di dunia, katanya. -- Lagi

▼19/08/16-35MS"

CNS5272

R GB 19-08 00063 BC898

bah

APEC-Mahathir 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata walaupun Amerika Syarikat percaya bahawa APEC merupakan sebuah forum ekonomi yang penting di Asia "kami menghormati pendekatan Perdana Menteri kepada Perundingan Ekonomi Asia Timur (EART)".

Amerika Syarikat, katanya, akan membiarkan Asean dan negara-negara Asia yang lain mengkaji EART sebelum mengambil pendirian mengenai EART. -- Bernama

MGM AKD